

Penentang cuba guna jentera kerajaan

Ⓟ

BM 11 MAR 1990

IPOH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kakitangan kerajaan supaya jangan membenarkan institusi kerajaan digunakan untuk mendesak kerajaan.

Katanya golongan tertentu sentiasa mengambil kesempatan menggunakan sesetengah institusi untuk mempengaruhi rakyat. Matlamat mereka ialah supaya rakyat membenci kerajaan.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata semua kakitangan kerajaan perlu memahami fungsi masing-masing sejajar dengan dasar kerajaan bagi memastikan pelbagai projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan mudah.

Menurutnya, jika kakitangan tidak menyokong kerajaan negara akan kurang stabil, ekonomi mundur dan huru-hara.

"Kakitangan kerajaan sepatutnya membantu menjayakan hasrat pembangunan, kerana mereka dibayar gaji oleh kerajaan yang memerintah," katanya di majlis perjumpaan dengan kakitangan kerajaan Perak di sini semalam.

Lebih 3,000 kakitangan kerajaan hadir, termasuk Menteri Besar Perak Tan Sri Haji Ramli Ngah Talib, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Haji Ahmad Sa'adi, ahli exco negeri dan ketua jabatan.

Menjelaskan isu gaji kakitangan awam, katanya jika cukai kerajaan dinaikkan, secara tidak langsung kadar gaji akan dikaji semula untuk diselaraskan dengan kenaikan cukai terbahit.

"Kerajaan memahami masalah rakyat berhubung kenaikan harga barang-barang yang sering bersaing dengan gaji. Bagaimanapun, kerajaan tidak boleh menaikkan gaji semata-mata untuk bersaing dengan harga barang kerana cara itu tidak praktik," katanya.

Datuk Dr Seri Dr Mahathir juga menegur golongan yang mendewa-dewakan kebebasan mutlak yang menurut mereka, diamatkan di Barat.

"Golongan itu tidak memahami atau menghargai erti kebebasan sebenar dan perbuatan mereka secara tidak langsung menyekat kebebasan orang lain," katanya.

Ketika soal-jawab, beliau berkata kestabilan negara sekarang berpunca daripada sikap rakyat yang serderhana dalam serba-serbi.

Janji

Katanya seseorang pemerintah tidak boleh memberi jaminan bahawa mereka akan membawa kemakmuran kepada rakyat kerana sebagai manusia biasa, mereka tidak kekal dan keadaan sentiasa berubah.

Mengenai kebimbangan bahawa sesuatu kaum akan ditindas oleh kaum majoriti di negara ini, katanya soal itu tidak timbul selagi rakyat berfikir waras.

"Jika negara ini 100 peratus orang Melayu sekalipun, bukan bermakna tidak berlaku pertelingkahan sesama kaum," katanya.